

UM 8 AUG 2002

Rakyat sambut sinis langkah Singapura kitar air kumbahan

SINGAPURA 7 Ogos — Langkah Singapura untuk mengitar semula air kumbahan sebagai rancangan **terbaru** untuk **mengurangkan** pergantungan kepada bekalan dari Malaysia disambut dengan pelbagai gurauan di republik ini.

Laman Web satira, *TalkingCock.com* secara terus-terang menyimpulkan: "Rakyat Singapura bersiap sedia untuk minum air kencing sendiri."

Singapura bergantung kepada Malaysia untuk kira-kira separuh daripada 300 juta gelen keperluan air hariannya tetapi kedua-dua pihak telah bertikam lidah sebelum rundingan bulan depan mengenai **penetapan harga baru** selepas **perjanjian** semasa berakhir.

"Kita tidak perlu menjual air kepada mereka," kata Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam.

"Kita kehilangan wang dengan menjual air kepada mereka."

Mengarut

Singapura yang kekurangan sumber **memberi** reaksi dengan berkata, ia akan dapat mengurangkan bekalan air dari Malaysia **pada** masa depan kerana sebahagian keperluannya boleh dipenuhi dengan **menapis** air kumbahan menjadi 'Newater.'

TalkingCock yang bermaksud 'mengarut' dalam **slanga** Singapura, mempunyai **versi**nya sendiri mengenai **kempen** kerajaan untuk mempromosikan penggunaan Newater kepada **empat juta** rakyat negara ini.

"Airnya semula jadi, kecuali ia bukan mengalir dari kawasan pergunungan Alps tetapi dari buah **pinggang** kita sendiri," laman itu kononnya memetik seorang 'pegawai kerajaan' sebagai memberitahu penduduk sebuah **taman** perumahan.

■ Lihat muka 4

'Rakyat sambut sinis langkah Singapura kitar air kumbahan

Sebenarnya, Newater telah disahkan lebih bersih daripada air paip oleh sebuah panel pakar antarabangsa.

Perdana Menteri Goh Chok Tong sendiri **memberi** pengiktirafan beliau dengan **menggogok** sebotol Newater di hadapan media tempatan selepas perlawanan **tenis** baru-baru ini.

Rakyat Singapura berpeluang untuk **merasa** sendiri air itu apabila 60,000 botol diedarkan semasa perarakan Hari **Kebangsaan** **pada** Jumaat ini.

Satu jenaka yang disebarkan melalui **e-mel** menggambarkan penyelesaian unik terhadap ketegangan yang berlarutan **dengan** Malaysia berhubung isu air.

"Dalam perjanjian bersejarah, Malaysia bersetuju untuk mengalihkan seluruh sistem kumbahannya dari Semenanjung ke Singapura supaya republik ini boleh **mendapat** bekalan najis manusia yang tidak **putus-putus** untuk dikitar semula menjadi Newater," **menurut e-mel** itu.

Bagaimanapun, *TalkingCock* mendakwa, agensi pelaburan kerajaan Singapura, Temasek Holdings **ada** rancangan lain, iaitu memungut air kencing tokoh-tokoh politik atasan untuk dibotolkan dan diperam **seper**ti wain berkualiti tinggi. — Reuters